

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **10 OGOS 2017 | ISNIN**

SOALAN :

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sejauh mana keuntungan dan zakat dari Tabung Haji dimanfaatkan kepada masyarakat secara langsung dan berapakah nilai yang telah digunakan mengikut asnaf yang telah menerimanya dari 2016 sehingga Jun 2017; dan
- (b) adakah Tabung Haji memberikan perlindungan kepada pendeposit Tabung Haji sebagaimana bank lain yang menjadi ahli PIDM.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Lembaga Tabung Haji (*TH*) telah membayar zakat *TH* setiap awal tahun kepada Majlis-majlis Agama Islam atau Pusat-pusat Zakat bagi setiap negeri di negara ini. Zakat tersebut akan disalurkan dan dikendalikan oleh Majlis-majlis Agama Islam atau Pusat-pusat Zakat berkenaan kepada golongan asnaf di peringkat negeri masing-masing.

Sebagai sebuah institusi ikonik Islam dalam melestarikan ekonomi dan menjamin kemaslahatan ummah khususnya golongan asnaf, *TH* sentiasa prihatin dan bertanggungjawab dalam memastikan pembayaran zakat *TH* dilaksanakan sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam. Jumlah zakat yang dibayar pada tahun 2016 adalah RM59 juta dan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM60 juta.

- (b) Berkaitan perlindungan kepada pendeposit *TH*, dimaklumkan bahawa simpanan di *TH* berlandaskan konsep Al-Wadi'ah Yad Dhamanah dan dijamin oleh Kerajaan, sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 24, Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Oleh itu, simpanan pendeposit *TH* adalah dijamin seratus peratus oleh Kerajaan Malaysia, maka tidak perlu perlindungan PIDM seperti institusi-institusi perbankan lain.

Sekian, terima kasih.

14

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN
BIN YAHAYA [TASEK
GELUGOR]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 15

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah projek ameniti sosial telah menjamin pembangunan yang seimbang di antara bandar dan luar bandar sebagai usaha dalam mencapai matlamat pertumbuhan dengan ekuiti selaras dengan dasar urbanisasi negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Ameniti Sosial (PAMS) mula dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) bermula dari tahun 2002 dengan tujuan untuk melengkapkan prasarana sosial kawasan luar bandar supaya ianya seimbang dengan pertumbuhan ameniti sosial di kawasan bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini lebih 3,000 projek ameniti sosial telah dilaksanakan oleh Kementerian di kawasan luar bandar. Program-program ameniti sosial yang telah dilaksanakan seperti menaiktaraf atau membina sistem perparitan, menaiktaraf atau membina pusat rekreasi dan menaiktaraf dan membina pusat pendidikan dan kegiatan masyarakat telah berjaya memberi kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik kepada penduduk luar bandar dan pinggir bandar berbanding sebelum program ini diperkenalkan.

16

Pelaksanaan program ameniti sosial ini juga berjaya mengurangkan jurang perbezaan kemudahan di antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar seiring dengan Dasar "Membandarkan Luar Bandar" yang bermatlamatkan mencapai objektif dasar urbanisasi yang komprehensif.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR [TUMPAT]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 16

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilangan pelajar di bawah
tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta kos
tajaan masing-masing, mengikut tempat/negara
mereka belajar.

JAWAPAN :

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, daripada Januari hingga Jun 2017, MARA telah membelanjakan kira-kira RM1 bilion kepada 32,613 orang pelajar di dalam negara dan seramai 6,618 orang pelajar di luar negara meliputi pelajar sedia ada serta pelajar baharu tahun 2017.

Pada tahun 2017, MARA diperuntukkan sebanyak RM2 bilion bagi Program Pinjaman Pelajaran. Peruntukan ini adalah untuk membiayai pelbagai urusan bayaran seperti yuran pengajian, elaun sara hidup, bayaran tambang kapal terbang (bagi luar negara sahaja) serta elaun-elaun lain sepanjang tempoh pengajian.

SOALAN NO.17**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI DOUGLAS
UGGAH EMBAS [BETONG]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

SOALAN :

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci kadar kemiskinan di Sarawak dan berikan pecahan mengikut kumpulan etnik.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep inklusiviti, Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan. Usaha dan inisiatif Kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera tidak hanya terbatas kepada mengatasi kemiskinan sahaja malah merangkumi golongan berpendapatan isi rumah 40% terendah (B40).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 ataupun *Household Income Survey (HIS) 2014*.

Sebagai contoh, jika pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) dalam lingkungan RM140 ke bawah, KIR tersebut dikategorikan sebagai Miskin Tegar.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 20 Julai 2017, seramai 115,709 KIR yang telah berdaftar dengan eKasih di seluruh negeri Sarawak dan daripada jumlah tersebut seramai 24,878 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 38,549 KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 52,282 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI (BATU PAHAT)

TARIKH : 10 OGOS 2017

NO. SOALAN : 18

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah dan tindakan menggerakkan serta menggalakkan politik nilai, politik ilmu, keadilan dan kebenaran, mengelak politik adu domba, politik caci maki, politik perkauman, pecah belah dan kebencian kaum, agama serta budaya bagi memelihara keharmonian masyarakat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Hasrat kita mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi maka adalah penting dengan mengamalkan konsep etika. Etika bertanggungjawab menentukan tindakan seseorang itu samada baik ataupun buruk. Etika dalam erti kata lain ialah mematuhi nilai moral berdasarkan satu susunan undang-undang yang bertujuan untuk mengatur dan memberi panduan tingkahlaku kepada individu, kumpulan atau sasarannya dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam perkembangan sistem pemerintahan bermasyarakat, demokrasi dianggap sebagai satu sistem politik terbaik yang mengandungi idealisme sosio-politik yang sesuai untuk kehidupan manusia. Amalan murni demokrasi menentang sekeras-kerasnya penindasan kebebasan kepada kelompok-kelompok masyarakat yang lebih kecil atau minoriti di dalam sesebuah negara dan masyarakat.

Kerajaan mengetahui bahawa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta latar belakang dan budaya yang berbeza. Maka, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah dan tindakan untuk memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat seperti berikut:

- a) **Menggunakan media baru sebagai wacana penyampaian maklumat** dengan cara yang lebih moden dan terkini melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang mengutarakan maklumat yang tepat, berita yang benar serta fakta-fakta yang bernas untuk kepentingan seluruh individu masyarakat secara penuh beretika dan bertanggungjawab.
- b) **Meningkatkan kefahaman budaya melalui penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung agar tidak wujud prasangka antara satu sama lain.

- c) **Meluaskan program-program pendidikan perpaduan** bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia agar dapat membina satu negara bangsa yang utuh dan tidak mudah dimanipulasikan oleh kuasa luar.
- d) **Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran pendamaian** supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku di peringkat akar umbi mampu diselesaikan secara baik dan sekaligus menggalakkan interaksi dan penjalinan hubungan baik dalam kalangan komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik.
- e) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi pemikir (*think-tank institutions*)** untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.
- f) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama** melalui pendekatan dialog dan wacana supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut-penganut agama.
- g) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan** melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- h) Menganjurkan **Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)** secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia tercinta ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dari semua lapisan masyarakat Malaysia. Oleh itu, rakyat sewajarnya berfikiran lebih rasional dan tidak mudah mempercayai dan terpengaruh dengan berita-berita yang tular melalui media sosial oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan sendiri. Tidak semua kandungan yang disebarkan itu adalah benar dan kadangkala sesuatu insiden yang telah lama berlaku turut dikitar semula (*recycle*) dengan hasrat untuk sengaja mewujudkan perpecahan dan kebencian kaum. Sebaliknya, rakyat Malaysia perlu berpegang kepada empat asas utama iaitu amalan sikap bertoleransi, saling menghormati, menjaga sensitiviti dan saling mempercayai antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri